



---

KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR

---

NAMA KURSUS : ASAS KEUSAHAWANAN  
KOD KURSUS : ETR2022  
PEPERIKSAAN : JANUARI 2024  
MASA : 2 JAM

---

**ARAHAN KEPADA CALON**


1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan.
  - ii. Kertas Jawapan Objektif.
  - iii. Buku Jawapan.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **9** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



KOLEJ TEKNIK MALAYSIA  
PENANG

NO. 1  
JALAN  
MELAKA  
06000  
PENANG

ALAMAT PENYALURAN

1. Kepada YBhg. Datuk Menteri Pendidikan, Kuala Lumpur.  
2. Kepada YBhg. Datuk Menteri Pendidikan, Pulau Pinang.  
3. Kepada YBhg. Datuk Menteri Pendidikan, Melaka.  
4. Kepada YBhg. Datuk Menteri Pendidikan, Johor.  
5. Kepada YBhg. Datuk Menteri Pendidikan, Kedah.  
6. Kepada YBhg. Datuk Menteri Pendidikan, Perlis.  
7. Kepada YBhg. Datuk Menteri Pendidikan, Terengganu.  
8. Kepada YBhg. Datuk Menteri Pendidikan, Pahang.  
9. Kepada YBhg. Datuk Menteri Pendidikan, Selangor.  
10. Kepada YBhg. Datuk Menteri Pendidikan, Negeri Sembilan.  
11. Kepada YBhg. Datuk Menteri Pendidikan, Melaka.  
12. Kepada YBhg. Datuk Menteri Pendidikan, Pulau Pinang.  
13. Kepada YBhg. Datuk Menteri Pendidikan, Kuala Lumpur.

JALAN MELAKA, PENANG

1975-1976

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.


Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan kompetensi keusahawanan?
  - A Sentiasa bersaing.
  - B Memerlukan pengorbanan.
  - C Melihat dan merebut peluang.
  - D Memberi cabaran kepada orang lain.
  
2. Berikut adalah ciri-ciri kompetensi usahawan **kecuali**
  - A tidak berani menanggung risiko.
  - B berpandangan jauh dan bercita-cita tinggi.
  - C membuat pembaharuan untuk keperluan pelanggan
  - D aktiviti yang menghasilkan dan sumbangan kepada masyarakat dan negara
  
3. \_\_\_\_\_ merupakan antara ciri-ciri usahawan yang berjaya.
  - A Malu.
  - B Tidak yakin.
  - C Takut akan perubahan.
  - D Berani mengambil risiko.

4. Antara berikut, yang manakah **bukan** ciri-ciri umum profil usahawan berjaya?
- A Tahap keyakinan yang tinggi.
  - B Kawalan fokus dalaman yang rendah.
  - C Mengambil risiko yang diperhitungkan.
  - D Dorongan ke arah mencapai kejayaan.
5. Lim Goh Tong merupakan pengasas taman tema di \_\_\_\_\_.
- A Legoland, Nusajaya.
  - B Sunway Lagoon, Selangor.
  - C Genting Highlands, Pahang.
  - D Cameron Highlands, Pahang.
6. Antara berikut yang manakah **bukan** faktor kegagalan usahawan?
- A Tiada penyambungan kerjaya.
  - B Mengambil risiko secara sederhana.
  - C Mengambil mudah aspek persaingan.
  - D Pekerja tidak cekap dan tidak amanah.
7. Apakah ciri keusahawanan yang menyumbang kepada penambahbaikan terhadap produk dan perkhidmatan yang sedia ada?
- A Kreatif.
  - B Inovatif.
  - C Berwawasan.
  - D Bijak merebut peluang.

8. Berikut adalah jenis- jenis jenayah kolar putih di Malaysia yang berkaitan dengan perniagaan **kecuali**
- A rasuah.
  - B rompakan.
  - C pecah amanah.
  - D penyelewengan.
9. Peringkat ketiga dalam proses kreatif ialah \_\_\_\_\_.
- A proses inkubasi.
  - B pengalaman idea.
  - C latar belakang idea.
  - D pengumpulan maklumat.
10. Proses di mana usahawan membiarkan minda mereka bebas daripada belenggumasalah merujuk kepada peringkat\_\_\_\_ dalam proses kreatif.
- A proses inkubasi
  - B pengalaman idea
  - C latar belakang idea
  - D pengumpulan maklumat
11. Antara berikut, yang manakah **bukan** merujuk jenis-jenis inovasi?
- A Sintesis.
  - B Duplikasi.
  - C Pengeraman.
  - D Perkembangan.

12.



Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1, apakah X ?

- A Peluang.
  - B Pengguna.
  - C Pelanggan.
  - D Memilih peluang.
13. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan keperluan pengguna?
- A Berbeza mengikut taraf hidup.
  - B Tuntutan semula jadi manusia.
  - C Sukar dipenuhi dan tidak terhad.
  - D Dipenuhi supaya hidup lebih selesa.
14. Berikut merupakan analisis peluang-peluang perniagaan yang boleh dibuat berdasarkan beberapa faktor **kecuali**
- A kreativiti dan daya cipta.
  - B persaudaraan dan perkauman.
  - C perkembangan dan perubahan ekonomi.
  - D perubahan dan perkembangan teknologi.

15. Tanggungan serta liabiliti yang tidak terhad merujuk pada jenis perniagaan
- A tunggal.
  - B perkongsian.
  - C sendirian berhad.
  - D semua perniagaan.
16. Encik Amir bercadang untuk menubuhkan perniagaan tunggal serta memilih nama "Selera Warisan" sebagai nama perniagaannya. Di manakah sepatutnya beliau perlu mendaftarkan perniagaan tersebut?
- A Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
  - B Syarikat Pendaftaran Malaysia.
  - C Suruhanjaya Perniagaan Malaysia.
  - D Syarikat Perniagaan Tunggal Malaysia.
17. Antara berikut, yang manakah **bukan** sasaran pembaca rancangan perniagaan?
- A Pelabur.
  - B Pembekal produk.
  - C Institusi pendidikan.
  - D Institusi kewangan.
18. Antara berikut, yang merupakan jadual anggaran jualan bulanan dan tahunan yang boleh dihasilkan daripada sasaran pasaran?
- A Saiz pasaran.
  - B Ramalan jualan.
  - C Margin keuntungan.
  - D Anggaran rugi tahunan.

19. Pemasaran memainkan peranan yang penting dalam perniagaan. Antara tujuannya ialah untuk \_\_\_\_\_

- A Mengagihkan barang.
- B Menyampaikan maklumat.
- C Menstabilkan harga barang.
- D Melindungi daripada risiko kerugian.

20. Maisarah mendengar dan meneliti produk yang dipaparkan di skrin TV. Dia amat tertarik dengan produk tersebut. Dia terus menelefon untuk membuat pesanan. Apakah jenis promosi tersebut?

- A Jualan terus.
- B Pengiklanan.
- C Hebahan publisiti.
- D Promosi melalui televisyen.

**[20 MARKAH]**



**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

- a) Nyatakan **dua (2)** ciri -ciri usahawan berjaya di Malaysia. (2 markah)
- b) Huraikan **dua (2)** mitos usahawan yang telah dipelajari. (4 markah)

**SOALAN 2**

- a) Terangkan **dua (2)** kepentingan etika dalam perniagaan. (4 markah)
- b) Salah satu jenayah yang kini semakin meruncing di Malaysia adalah jenayah kolar putih. Bincangkan **empat (4)** jenis jenayah kolar putih dalam perniagaan. (10 markah)

**SOALAN 3**

- a) Jelaskan **dua (2)** kaedah menjana idea kreatif. (4 markah)
- b) Berdasarkan kefahaman anda, bincangkan inovasi secara duplikasi. (10 markah)

**SOALAN 4**

- a) Nyatakan **dua (2)** contoh bantuan dan sokongan yang diberikan kerajaan kepada sesebuah perniagaan. (2 markah)
- b) Huraikan **dua (2)** perbezaan antara perniagaan milikan tunggal dan perkongsian. (4 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

Rancangan perniagaan penting dalam usaha untuk mencapai sesuatu tujuan sama ada untuk mendapatkan pembiayaan modal, menetapkan matlamat perniagaan atau untuk menarik minat pelabur-pelabur menanam modal untuk sesuatu projek perniagaan.

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan rancangan perniagaan? (2 markah)
- b) Rancangan Perniagaan adalah dokumen yang sangat penting kepada beberapa pihak. Berdasarkan pengetahuan anda, bincangkan **empat (4)** pembaca Rancangan Perniagaan beserta kepentingannya. (8 markah)

**SOALAN 2**

Neelofa telah menghasilkan jenama tudungnya sendiri. Beliau telah mempunyai ramai kenalan melalui laman sosialnya. Beliau berhajat untuk memulakan perniagaannya secara persendirian sahaja dan menggunakan kemudahan laman sosialnya itu untuk melaksanakan perniagaan secara dalam talian dan berinteraksi dengan rakan-rakan serta pelanggannya.

- a) Senaraikan **dua (2)** teknik pemasaran yang boleh dilakukan oleh Neelofa untuk mengedarkan produknya. (2 markah)
- b) Tunjukkan **empat (4)** langkah utama yang perlu dilakukan oleh Neelofa dalam usahanya untuk menyediakan ramalan jualan bagi tudung keluaran beliau.

(8 markah)

**[20 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

(

(

0

0